

Rukun Negara gagal dihayati rakyat

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Dari kiri: Azlan Shah, Shamsul Amri, Syahredzan dan Dharshinee pada Wacana *Sinar Harian* Siri ke-181 bertajuk Rukun Negara Sekadar Di Kulit Buku? yang disiarkan secara langsung menerusi platform *Sinar Harian Online* kelmarin.

Pengajaran di sekolah hanya tekankan lima prinsip tanpa mukadimah

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI dan HASNIZA HUSSAIN

SIKAP ALAM

Pengajaran di sekolah yang hanya menekankan lima prinsip Rukun Negara tanpa menekankan tentang mukadimah yang mendukung lima prinsip itu menyebabkan ia gagal dihayati sepenuhnya oleh rakyat. Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr

Shamsul Amri Baharuddin berkata, keadaan itu seperti analogi menunggang basikal dengan hanya satu tayar.

"Jadi ini berlaku kepada Rukun Negara... Rukun Negara bergerak pada satu tayar sahaja, jadi budak-budak (pelajar) tak faham.

"Tkrar pagi-pagi pun ambil yang lima (prinsip) sahaja. Rukun Negara bukan yang lima itu sahaja kerana ada perkara yang mendukung lima prinsip itu lebih awal," katanya selaku panelis Wacana Siri ke-181 bertajuk Rukun Negara Sekadar Di Kulit Buku? yang disiarkan secara langsung menerusi semua platform *Sinar Harian Online* kelmarin.

Wacana itu turut membariskan ahli panel Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Syahredzan Johan

dan Ahli Majlis Tertinggi Persekutuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia, Dharshinee Suresh Kumar serta Azlan Shah Nabees Khan selaku moderator.

Mengulas lanjut, Shamsul Amri berkata, akibat terlalu fokus terhadap prinsip itu menyebabkan wujudnya usaha mentahfizkannya iaitu menetapkan pelajar mesti fasih dan lancar lima prinsip tersebut.

"Pada saya itu bukan niatnya, hasrat asal adalah untuk memahami dan mengetahui tentang Rukun Negara.

"Apa yang penting sekarang adalah kebijaksanaan pimpinan kita dan orang ramai untuk menerima Rukun Negara serta serapkan dan jadikan ia dalam bentuk baharu untuk sama-sama mengingatkan kita," katanya.